

“ZAMAN menjadi mahasiswa adalah masa yang terbaik untuk membina karakter kepimpinan. Ini kerana dengan tenaga yang kuat, minda yang cerdas, semangat yang membara, idealisme, apatah lagi menjadi pemimpin mahasiswa di kampus, menjadi platform terbaik untuk mengembangkan potensi kepimpinan”, kata **Datuk Othman Mustapha**.

Demikianlah petikan ucapan Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) ketika menyampaikan ucapan perasmian Konvensyen Pemimpin Mahasiswa Islam Nasional (PIMPIN 2015) di Dewan Dato' Mohd Shahir, Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Bangi, baru-baru ini.

Seramai 300 orang Pemimpin Mahasiswa yang terdiri daripada seluruh Universiti Awam dan Institusi Pengajian Tinggi hadir ke Konvensyen PIMPIN 2015

Jakim anjur PIMPIN 2015

anjuran Jakim melalui Bahagian Dakwah dengan kerjasama Yayasan Taqwa dan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPEIM).

Konvensyen bertemakan “Pimpin dengan al-Qawiy al-Amin” yang berlangsung selama dua hari pada 14 hingga 15 Mac lalu turut menggariskan beberapa objektif iaitu memberi kefahaman dan penghayatan Islam kepada golongan mahasiswa berkaitan isu-isu akidah, syariah dan akhlak.

Selain itu, konvensyen turut menekankan kepada pembangunan kepimpinan berteraskan nilai Al-Qawiy dan Al-Amin kepada mahasiswa sebagai pelapis pemimpin masa hadapan.

Antara pembentang yang turut hadir

pada konvensyen itu termasuk Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Insan, Jakim, Datuk Razali Shahabuddin; bekas Ketua Pegawai Eksekutif Proton, Datuk Sri Syed Zainal Abidin; Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kota Buku, Sayed Munawwar Sayed Mustar dan pembentang dari Kementerian Agama Indonesia, Sigit Kamseno.

Pada program itu, Othman Mustapha juga melancarkan kempen #MAHASISWA ISLAM TOLAK KEGANASAN yang bertujuan memberi kesedaran kepada golongan mahasiswa agar tidak terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam apa jua aktiviti ekstrim agama.

Peserta program yang juga pelajar USIM, **Ainun Sallah Nordin** berkata, konvensyen yang julung-julung kali diadakan itu memberi banyak manfaat terutamanya kepada pemimpin mahasiswa untuk membuka minda serta mendapat maklumat tepat dan *first hand information* terhadap isu-isu agama yang berlaku di Malaysia.

“Saya cukup jelas dengan penerangan dan penjelasan isu-isu semasa yang disampaikan oleh para pembentang terutamanya daripada ucapan Ketua Pengarah Jakim menjelaskan satu persatu isu-isu semasa agama di Malaysia kepada kami mahasiswa.

“Insya-Allah saya akan sampaikan pula kepada rakan-rakan di kampus”, katanya.



PANEL pembentang mengupas isu berhubung keganasan pada Konvensyen PIMPIN 2015.